



BAB 4

KONSEP INSAN Psikologi & Sosial

01

MENJELASKAN

mengenai asal usul insan dan konsep-konsep utama yang mencirikan keinsanan.

03

MENGHURAIKAN

konsep insan sejahtera melalui perkembangan insan JERI (Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek).

02

MENJELASKAN

hakikat dan sifat insan secara lebih menyeluruh.

04

MENGANALISIS

konsep insan sejahtera dalam mendepani cabaran-cabaran kemanusiaan di peringkat lokal, nasional dan global.



SUBTOPIK

1



Asal Usul Insan

2



**Hakikat Dan
Sifat Insan**

3



**Insan Sejahtera
(JERI)**

4



**Faham Insan
Sejahtera Dalam
Krisis Kemanusiaan**



Siapa diri kita ini, apa tujuan
kita hidup dan ke mana kita
akan pergi nanti?


PENGENALAN

Dalam sejarah falsafah khususnya Falsafah Greek silam dan juga Falsafah Ketimuran ataupun *oriental philosophy*, telah ada orientasi ke arah menggunakan pemikiran falsafah untuk **mencari jalan dan langkah bagaimana manusia dapat mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kehidupan.**

Dari mana?

Untuk apa?

Ke mana?




ASAL USUL MANUSIA

Konsep Insan Dari Perspektif Falsafah

KONSEP INSAN DARI PERSPEKTIF FALSAFAH


Memahami konsep insan dapat membantu kita ke arah mencari kesempurnaan dalam kehidupan yang lebih bermakna berpandukan kepada konsep insan seperti yang telah difikirkan oleh ahli- ahli falsafah. Seperti Socrates – *‘the unexamined life is not worth living’*.



KONSEP INSAN DARI FALSAFAH BARAT

Falsafah Greek, Aristotle mengatakan:

- *'Man is a rational being; a man is a rational animal'.*
- Pemikiran rasional merupakan ciri utama pengenalan sebagai manusia.
- Pemikiran rasional dapat membezakan antara manusia dan haiwan
- Manusia bersifat logosentrism (berpusatkan kepada akal fikiran yang bersifat rasional dan intelektual semata-mata).



KONSEP INSAN DARI FALSAFAH BARAT



Konsep insan bukanlah berteraskan logosentrisme, tetapi berteraskan kepada emosi dan intuitif manusia yang mungkin tidak bersifat rasional.

- FRIEDRICH NIETZSCHE -



Konsep manusia banyak dipengaruhi oleh fahaman agama khususnya agama Kristian. Sebagai makhluk Tuhan harus patuh kepada hukum-hukum Tuhan.

- KRISTIAN ABAD PERTENGAHAN-



Fahaman eksistensialisme:
Manusia itu lahir tanpa panduan dalam hidup. Tugas manusia apabila berada di dunia ialah mencari makna dalam kehidupan sendiri.

- JEAN PAUL SARTRE-

KONSEP INSAN MENURUT ISLAM

Untuk apa?

HAMBA

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”

(al-Zaariyat, 51: 56)

KHALIFAH

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

(al-Baqarah, 2: 30)

KONSEP INSAN MENURUT ISLAM

Hamba Khalifah

IBADAH


Beribadah hanya kepada Allah SWT

BUAT SURUHAN

Patuh kepada segala suruhan Allah SWT

TINGGAL LARANGAN

Tinggalkan segala larangan Allah SWT



MAKMURKAN DUNIA

Imarahkan bumi, membangunkan dunia.

TANGGUNGJAWAB

Menjaga tanggungjawab kepada agama, masyarakat dan negara.

AMAR MAKRUH NAHI MUNKAR

Melaksanakan amar makruh (menyuruh kebaikan) dan nahi munkar (mencegah kemungkaran).

KONSEP INSAN MENURUT ISLAM

“Dan (ketahuilah), seseorang pemikul **tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain** dan jika seseorang yang berat tanggungannya (dengan dosa), memanggil (orang lain) untuk menolong memikul sama bebanan itu, tidak akan dapat dipikul sedikitpun daripadanya, walaupun orang yang diminta pertolongannya itu dari kerabatnya sendiri”.




(Faatir, 35: 18)

Manusia mempunyai **tanggungjawab dan amanah** yang mesti dipikul iaitu melakukan kebaikan di bumi untuk mendapat balasan yang baik di akhirat.

KONSEP INSAN MENURUT ISLAM

Ke mana?

“Apabila telah tiba waktunya yang ditentukan bagi mereka, tidaklah mereka dapat mengundurkannya barang **sesaatpun** dan tidak pula **mendahulukannya**”.
(Al-Nahl, 16: 61)



SYURGA

NERAKA

KONSEP INSAN MENURUT KRISTIAN

Dari mana?

MATLAMAT

- Kitab Bible iaitu di dalam Genesis telah menerangkan bahawa manusia pertama yang diciptakan oleh Tuhan ialah daripada debu tanah. Sebagaimana yang diungkapkan di dalam Genesis (2:7): “ketika itulah Tuhan membentuk manusia itu dari debu tanah dan menghembuskan nafas hidup ke dalam hidungnya; demikianlah manusia itu menjadi makhluk yang hidup.
- “Hormatilah [Tuhan], dan taatilah segala perintah-Nya, kerana bagi maksud itulah manusia diciptakan” (Ecclesiastes 12:13)
- Manusia dilahirkan dalam keadaan berdosa dan dosa ini dikenali sebagai dosa warisan iaitu dosa yang dilakukan oleh Adam a.s.
- Pensaliban Jesus adalah lambang pengorbanan suci untuk melepaskan manusia dari dosa warisan tersebut.

Untuk apa?

KEMATIAN

Ke mana?

- “Sebab upah dosa ialah maut;..” (Roma 6:23)
 - “Sebab itu, sama seperti dosa telah masuk ke dalam dunia oleh satu orang, dan oleh dosa itu juga maut, demikianlah maut itu telah menjalar kepada semua orang, karena semua orang telah berbuat dosa” (Roma 5:12).
- Mempercayai kehidupan di alam akhirat selepas mati.

KONSEP INSAN MENURUT HINDU

Dari mana?

Manusia pertama ialah *Syayambhumanu* bermaksud makhluk berfikir yang mengembangkan dirinya sendiri.

1

Matlamat kehidupan manusia menurut ajaran Hindu adalah untuk mencapai **Moksha**.

2

Seseorang yang terikat dengan kehidupan dunia, akan lahir semula sehingga bebas daripada karma dan mendapat kebebasan yang dipanggil Moksha.

3

MATLAMAT

Untuk apa?

Ke mana?

KEMATIAN

1

Atman (jiwa) tidak akan mengalami kematian. Kematian hanya akan berlaku kepada fizikal manusia sahaja.

2

Kematian bukanlah bencana besar, ia cuma perjalanan jiwa yang nanti akan menjelma semula di alam nyata dalam fizikal yang baru.

3

Jiwa seseorang akan sentiasa hidup dan merasai suka dan duka, bahagia dan derita, akan terbabit dengan hukum Karma.

KONSEP INSAN MENURUT BUDDHA

MATLAMAT

- Matlamat kehidupan manusia menurut ajaran Buddha adalah untuk mencapai **Nirvana** iaitu tercapainya suatu kebahagiaan.


Untuk apa?

KEMATIAN

- Kepercayaan tentang hukum karma, di mana seseorang itu, dalam kelahiran terbarunya, akan mendapat pembalasan kerana perbuatan yang dilakukannya dalam kehidupan terdahulu
- Mengelak daripada dilahirkan semula, seseorang Buddha perlu mencapai tahap nirvana.

Ke mana?

KONSEP INSAN MENURUT KONFUSIANISME DAN TAOISME




KONFUSIANISME

- Bukan berteraskan agama ataupun bersifat wahyu.
- Ideanya berkaitan dengan prinsip- prinsip etika yang harus diikuti untuk mencapai kebahagiaan dalam kehidupan manusia.

Contoh:

- Anak harus menghormati ibubapa.
- Mentadbir alam dengan adil dan saksama.




TAOISME

- Manusia haruslah dilihat dalam konteks hubungannya dengan alam sekitar (*mother nature*). Menghormati alam akan mencapai kebahagiaan di dalam kehidupannya
- Konsep wu wei
 - Tindakan yang selari dengan fitrah alamiah
 - Manusia haruslah tidak meletakkan kepentingan dirinya dalam melakukan sesuatu tindakan.
- Hubungan manusia dengan alam dan kefahaman tentang sifat manusia serta hubungannya dengan alam adalah penting.

HAKIKAT DAN SIFAT INSAN

Hakikat Kejadian Insan Menurut Islam dan Pandangan Sains (Dari Mana?) | Hakikat dan Sifat Insan

KEJADIAN MANUSIA MENURUT SAINS



Manusia bermula daripada proses percantuman sperma dan ovum lalu menjadi zigot, embrio, fetus dan bayi.

Sains tidak mengiktiraf elemen roh kerana tidak dapat dilihat dan dikaji.

KEJADIAN MANUSIA MENURUT AL-QURAN

1

Surah al-Mukminun, 23: 12

“Dan sesungguhnya
Kami telah
menciptakan manusia
dari pati (yang
berasal) dari tanah;”

2

Surah al-Mukminun, 23: 13

“Kemudian Kami
jadikan "pati" itu
(setitis) air benih
pada penetapan
yang kukuh;”

3

Surah al-Mukminun, 23: 14

“Kemudian Kami ciptakan air
benih itu menjadi sebulu
darah beku. lalu Kami
ciptakan darah beku itu
menjadi seketul daging;
kemudian Kami ciptakan
daging itu menjadi beberapa
tulang; kemudian Kami balut
tulang-tulang itu dengan
daging. Setelah sempurna
kejadian itu Kami bentuk dia
menjadi makhluk yang lain
sifat keadaannya. Maka
nyatalah kelebihan dan
ketetapan Allah sebagai baik

KEJADIAN MANUSIA MENURUT AL-QURAN (al-Mukminun, 23: 14)



Fizikal - Material

- Proses penciptaan Adam a.s bermula daripada tanah kepada kejadian dan sifat fizikal manusia dengan kuasa Pencipta.
- Proses penciptaan Hawa (pasangan Adam a.s) dan penciptaan anak cucu Adam a.s.
- Proses biologi iaitu manusia berkembang biak melalui hubungan jantina (perkahwinan).



Spiritual - Rohani

Menurut Imam al-Ghazali:

- Roh ialah sifat yang halus yang bersumber daripada rongga hati dalam jasad manusia.
- Roh ialah sifat halus pada manusia yang dapat mengetahui sesuatu yang membawa kepada pelbagai pengertian. Ia termasuk urusan bersifat ketuhanan.

Bagaimana kita hendak
menjadi insan sejahtera untuk
mencapai kebahagiaan hidup?

PEMBINAAN INSAN SEJAHTERA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Konsep JERI

PEMBINAAN INSAN SEJAHTERA



Matlamat pembangunan insan ialah untuk melahirkan manusia seimbang dan harmonis daripada sudut kemanusiaan

1



3 unsur penting dalam pembangunan insan:

1. Pembangunan intelek
2. Pembangunan rohani dan emosi
3. Pembangunan jasmani

2




Elemen-elemen ini penting untuk disepadukan bagi membangunkan insan supaya tidak berlaku **kepincangan kejadian** terhadap makhluk ciptaan Tuhan.

3

PEMBINAAN INSAN SEJAHTERA

Konsep Insan Sejahtera: Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual



JASMANI

Manusia itu mempunyai tubuh badan yang perlu dipelihara: Minda, pemikiran dan kerohanian dapat digunakan secara optimum.

EMOSI

Jika terganggu emosi, manusia tidak akan mencapai kehidupan sejahtera kerana dia akan sentiasa dihindangi tekanan.

ROHANI

Dikaitkan dengan amalan keagamaan untuk memanusiakan manusia.

INTELEK

Membina akal fikiran yang lebih kreatif yang lebih kritis dan lebih tajam demi untuk mencapai ilmu yang lebih luas dan mendalam.

Kesemua elemen ini menjadikan manusia itu sebaik-baik ciptaan- ***ahsani taqwim*** (al-Tin, 95: 4)

CABARAN INSAN SEJAHTERA

Diri Sendiri | Masyarakat | Negara

CABARAN INSAN SEJAHTERA

- Dalam usaha mewujudkan kesejahteraan, pembangunan modal insan hendaklah dilengkapi dengan nilai-nilai murni kepada;
 - 1) Diri Sendiri
 - 2) Masyarakat
 - 3) Negara

CABARAN INSAN SEJAHTERA DALAM KONTEKS **DIRI SENDIRI**


Aqidah yang sejahtera
(Good faith)

Ibadah yang sahih
(Strong Devotion)

Tersusun dalam semua
urusan (Well organized)

Keperibadian yang mulia
(Strong character)

Fizikal yang kuat (Physical
power)



Daya intelek yang tinggi
(Thinking brilliantly)

Sentiasa bermujahadah
melawan hawa nafsu
(Continence)

Menjaga ketepatan waktu
(Good time management)

Mempunyai kemampuan
berusaha untuk dirinya
(Independent)

Memberi manfaat kepada
orang lain (Giving contribution)

CABARAN INSAN SEJAHTERA DALAM KONTEKS **DIRI SENDIRI**

- Setiap individu mesti mempunyai kesedaran terhadap kepentingan kesihatan mental.
- Masalah kesihatan mental ini bukan sahaja mengakibatkan gejala gangguan atau penyakit mental tetapi turut mendatangkan kesan kepada kehidupan sosial dan tahap kefungsiian individu terlibat.
- Isu kesihatan mental seperti stres akut, keresahan, kemurungan, penderaan dan tingkah laku bunuh diri, memerlukan sokongan emosi dan kaunseling.

“Daripada 1 Januari 2021 sehingga 18 Jun 2021, Talian Bantuan Sokongan Psikososial telah menerima sebanyak 122,328 panggilan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 109,806 panggilan (89.4 peratus) adalah berkait rapat dengan isu-isu psikologi” ~ Ketua Pengarah Kesihatan, 25 Jun 2021.

CABARAN INSAN SEJAHTERA DALAM KONTEKS **DIRI SENDIRI**

Isu Kesihatan mental ;

- 1) Situasi pasca pandemik, ramai individu mengalami tekanan (stress), keresahan (anxiety) dan kemurungan (depression)– kehilangan ahli keluarga, kehilangan pekerjaan, kesihatan terjejas.
- 2) Masalah kesihatan mental dalam kalangan warga kampus – semua pihak perlu peka dengan persekitaran – kenal pasti kelainan pada rakan dan segera berusaha memberi bantuan dan sokongan.

CABARAN INSAN SEJAHTERA DALAM KONTEKS **DIRI SENDIRI**

SOKONGAN SOSIAL DALAM KAMPUS

Pusat Kaunseling UTM

Pusat Kesihatan UTM

Pusat Islam UTM

Penasihat Akademik



SOKONGAN SOSIAL LUAR KAMPUS

- Talian KASIH
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat (KPWKM)

- Talian KSKCare
(Pusat Khidmat Keluarga, Sosial & Komuniti,
JAKIM)

- *Befrienders, D'Home Mental Health
Association, Mental Health Psychosocial
Support Services (MHPSS)*

- Klinik Psikiatri di hospital dan Pusat
Komuniti Kesihatan Mental (MENTARI)

CABARAN INSAN SEJAHTERA DALAM KONTEKS **DIRI SENDIRI**

“...Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum hingga mereka mengubah diri mereka sendiri,”

(al-Ra‘d, 13:11)

“the hardest person you will ever have to lead is yourself.” – Bill George

CABARAN MASYARAKAT SEJAHTERA



CABARAN NEGARA SEJAHTERA

Melantik kepimpinan
yang kompeten dan
berintegriti

Tadbir Urus yang baik

Pembangunan yang
lestari



Agihan kekayaan yang
sama rata

Pembangunan ekonomi
yang mapan

Kebajikan dan kesihatan
rakyat yang terjamin

KESIMPULAN

- Penghayatan konsep insan yang disebut di bawah akronim JERI dapat membolehkan seseorang itu **menghadapi cabaran-cabaran** dalam kehidupannya.
- Konsep insan daripada pelbagai fahaman falsafah adalah bertujuan untuk mencapai **kesejahteraan dan kebahagiaan hidup**.
- Pembinaan masyarakat dan negara sejahtera perlulah bermula dengan **diri sendiri**. Kita sebagai ejen perubahan masyarakat. (*Herd behaviour*)
- Sedar dan bermuhasabah dengan asal-usul kita sebagai manusia dan hayati semula **apakah kita melaksanakan tugas kita di dunia?**

AKTIVITI PELAJAR

Medium;
Jamboard
Mentimeter
Quizizz
Forum

1

Bincangkan pemahaman tentang asal-usul kejadian manusia dari perspektif pelbagai agama dan kepercayaan nenek moyang



2

Bagaimana mewujudkan keseimbangan JERI dalam kehidupan seorang pelajar?

AKTIVITI PELAJAR

Medium;
Jamboard
Mentimeter
Quizizz
Forum

3

Cari NGO/ Pusat Sokongan Sosial yang terlibat dalam memberi bantuan kepada individu yang memerlukan dan senaraikan bentuk perkhidmatan yang mereka berikan



4

Senaraikan isu-isu semasa berkaitan ancaman terhadap kesejahteraan negara

SOMBONG

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri".

(Luqman, 31: 18)



Manusia itu asalnya dari tanah,
makan hasil tanah,
berdiri di atas tanah
dan akan kembali ke tanah.
Lalu kenapa masih bersifat langit?

(Buya Hamka)